

14/10/2001

Melayu sedunia sedar krisis identiti

Jamudin Idris; Azrina Azhan

KUALA LUMPUR: Bangsa Melayu yang tersebar luas di seluruh pelosok dunia berjaya ditemukan pada Persidangan Dunia Melayu (PDM) dalam usaha menyemarakkan semangat setiakawan di kalangan manusia Melayu.

Persidangan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) ini adalah lanjutan daripada Simposium Jaringan Melayu di Shah Alam pada 1996, Simposium Antarabangsa Melayu-Polynesia pada 1998 dan pertemuan Alam dan Pemikiran Melayu di Batam, Indonesia tahun lalu.

Persidangan digerakkan Gabungan Persatuan Penulis Nasional Malaysia (Gapena) dan disokong persatuan Sejarah Malaysia, Persatuan Melayu Pulau Pinang, Persatuan Rumpun Melayu Lahad Datu dan Persatuan Bumiputera Iranun Sabah. Ia dirasmikan Pengerusi Yayasan Sekretariat Melayu Antarabangsa, Tan Sri Muhammad Mohd Taib.

Ketua Satu Gapena, Tan Sri Ismail Hussein berkata, 55 tokoh turut membicarakan pelbagai aspek mengenai orang Melayu termasuk dari tokoh pendidik seperti Tan Sri Awang Had Salleh dan Prof Datuk Zainal Kling serta Ketua Pengarang Kumpulan The New Straits Times (M) Berhad, Tan Sri Abdullah Ahmad.

Ismail berkata, dengan tema "Melayu dan Erti Kemelayuan", persidangan penting kerana ada kesedaran di kalangan manusia Melayu untuk mempertahankan identiti yang sedang terhakis terutama pada era globalisasi.

Persidangan ini mempertemukan wakil bangsa Melayu induk di Asia Tenggara dengan wakil dari kelompok diaspora Melayu di kawasan Lautan Pasifik, Lautan Hindi dan di Barat.

Selain persidangan, persembahan kebudayaan didatangkan dari Tonga, Madagaskar, Filipina dan Malaysia sendiri.

Ismail berkata, persidangan didokong kuat oleh persatuan Melayu luar negara seperti Persatuan Melayu Madagaskar dengan 30 perwakilan, Melayu Sri Lanka, Persatuan Kebudayaan Melayu dari Cape Town, Afrika Selatan, serta kelompok Melayu di kepulauan Mindanao.

Delegasi Cebu City di Kepulauan Visaya sudah menyatakan keinginan untuk menjadi tuan rumah pada persidangan akan datang.

Rombongan terbesar pada persidangan ini tentunya dari negara tetangga, Indonesia yang terdiri dari tokoh adat, budayawan dan pemikir, selain Brunei, Singapura dan Pusat Kebudayaan, Sempadan Selatan yang bertapak di Yala.

Menurut Ismail, pemilihan Kuala Lumpur untuk tuan rumah kali ini sebagai kemuncak pengiktirafan bangsa dan masyarakat Melayu di dunia pada Malaysia yang dianggap pusat gerakan dunia Melayu.

Persidangan menekankan pengiktirafan terhadap sumbangan Malaysia dalam membangunkan bangsa Melayu contohan bagi dunia luas di bawah pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sementara itu, pada sidang pleno pertama, Dr BA Hussainmiya menceritakan panjang lebar mengenai sejarah kedatangan orang Melayu ke Sri Lanka.

Katanya, Melayu Sri Lanka asalnya dari Indonesia. Mereka dibawa oleh Belanda dan ramai di antaranya kerabat diraja.

Bagaimanapun, apabila British pula menguasai Sri Lanka, Melayu Afrika Selatan pula dibawa ke situ.

Katanya, disebabkan sudah lama terpisah dengan Melayu induk dari Nusantara, Melayu Sri Lanka tidak dapat berbahasa Melayu baku dengan baik.

Sementara itu, Prof Muhammed Harun dari Afrika Selatan pula menggesa

diwujudkan perpaduan untuk menyebarkan bahasa Melayu di peringkat antarabangsa.

(END)